

Saya pertahan kebebasan media, bukan The Edge, kata adik Najib
The Malaysian Insider
July 26, 2015
Oleh Md Izwan

Adik perdana menteri, Datuk Seri Nazir Razak mempertahankan kebebasan media dan bukannya semata-mata The Edge dengan kritiknya terhadap keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menggantung penerbitan akhbar harian The Edge Financial Daily dan mingguan The Edge.

Nazir berkata kebebasan menyatakan pandangan dan bersuara perlu dipertahankan, ia bukan hanya mengenai individu tertentu semata-mata.

"Ia bukan tentang mempertahankan sesiapa. Ia tentang kebebasan menyatakan pendapat, kebebasan bersuara. Itu sahaja," katanya semasa ditemui menghadiri Majlis Rumah Terbuka bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

"Itu adalah prinsip kebebasan media," katanya.

Bagaimanapun, Nazir tidak menjelaskan sama ada negara ketika ini sedang menuju di landasan yang betul.

"Satu-satunya jalan betul saya adalah menuju ke kereta saya. Terima kasih," katanya.

Nazir hadir ke majlis terbuka sama yang turut dihadiri abangnya, Datuk Seri Najib Razak.

Dua hari lalu, Nazir menulis di akaun Instagram mengkritik tindakan KDN menggantung The Edge.

Beliau berkata jika laporan The Edge mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak tepat, saluran undang-undang boleh diambil dan bukannya dengan membuat penggantungan.

Beliau sebelum ini juga mengkritik syarikat pelaburan sarat hutang dinaungi abangnya itu sebagai "tidak memberangsangkan". – 26 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-pertahan-kebebasan-media-bukan-the-edge-kata-adik-najib>